

TENGKUJUH BERTANDANG

Anak basah terjaga


Oleh Safuri Kamarudin
am@hmetro.com.my
Baling

“**S**aya tidak sempat menyelamatkan apa-apa barangan kerana air masuk ke dalam rumah dengan cepat ketika kami tidur nyenyak.

“Mujurlah anak saya, Nurul Farisyah Qistina, 6, terjaga dari tidur kerana badannya basah lalu mengejutkan kami semua,” kata Suriani Saad, 32, antara mangsa yang terjejas banjir selepas hujan lebat tanpa henti selama lima jam mulai jam 7.30 malam kelmarin.

Bagaimanapun, air mulai naik di kawasan rumah penduduk jam 3 pagi menyebabkan sebanyak 78 keluarga membabitkan 300 penduduk di lima buah kampung terjejas.

Antara kampung terbabit ialah Kampung Kuala Ba-



NAZATUL (tengah) melawat rumah Suriani di Kampung Binjul Luar, semalam.

kong, Kampung Binjul Luar, Kampung Batu Tujuh, Taman Sheikh Fadzir dan Kampung Masjid Tawar.

Suriani dari Kampung Binjul Luar, Kuala Ketil, berkata rumahnya dimasuki air

jam 3 pagi selepas hujan lebat tanpa henti di kawasan berkenaan.

“Hujan lebat berterusan selama lima jam menyebabkan air dari Bukit Hijau melimpah dan melanda kam-

pung menyebabkan semua barangan di dalam rumah tidak sempat diselamatkan.

“Ketika air masuk ke dalam rumah, kami semua sedang tidur dan tersedar apabila salah seorang anak saya terasa badannya basah.

“Saya bergegas bangun dan mengejutkan ahli keluarga yang lain. Masa itu saya nampak air naik dan memasuki dalam rumah paras satu meter. Kami berlari keluar dan menyelamatkan diri menggunakan tali, katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Baling Nazatul Iffah Abdullah berkata, semua mangsa ditempatkan di lima pusat pemindahan sementara iaitu di Surau Kampung Kuala Bakong, Dewan Orang Ramai Binjul Luar, Surau Kampung Batu Tujuh, Surau Taman Sheikh Fadzir dan Masjid Tawar.

Putrajaya

Amaran 3 jam sebelum berlaku

Amaran hujan lebat dan ribut petir hanya dapat diberikan seawal tiga jam sebelum ia berlaku, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail.

Beliau berkata, amaran seumpama itu tidak dikeluarkan untuk tempoh sehari-hari seperti disembarkan melalui aplikasi WhatsApp kelmarin kononnya ribut petir selaju 80 hingga 100 kilometer sejam (km/j) akan melanda Kuala Lumpur dan Putrajaya dari 27 hingga 30

Oktober.

“Sehubungan itu, MetMalaysia menafikan mengeluarkan amaran ribut kuat yang dijangka berlaku di Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 27 hingga 29 Oktober.

“Maklumat sahih amaran dikeluarkan MetMalaysia melalui laman sesawang MetMalaysia <http://www.met.gov.my>, Facebook, Twitter serta talian 1300-22-1638 yang beroperasi 24 jam,” katanya kepada media, di sini, semalam.

Kota Bharu

Fenomena biasa air pasang

“Ia fenomena biasa setiap kali bulan baru, air pasang, jadi tak perlu panik,” kata Pegawai Meteorologi Kanan Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip.

Beliau mengulas mengenai paras air Sungai Golok di Rantau Panjang

yang meningkat ke tahap berjaga-jaga sejak kelmarin dan turut melimpah ke kawasan perkampungan.

Dr Mohd Hisham berkata, fenomena air pasang dipengaruhi tarikan graviti disebabkan tiga faktor utama iaitu bulan paling hampir dengan bumi, bulan baru dan bulan penuh.